

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4(62)

2 Oktober 2017
12 Muharram 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.29/2017

Semua Staf Pengurusan dan Profesional
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akan wujud kekosongan bagi jawatan Ketua Pustakawan di Universiti Teknologi Malaysia.

Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1. **Jawatan** : Ketua Pustakawan
2. **Gred** : Gred Utama C (VU7)
3. **Tangga Gaji** : RM 7,676.00 hingga RM 20,592.00
4. **Taraf Lantikan** : Tukar Lantik Sementara /Tetap (Secara Naik Pangkat)
5. **Tempoh Lantikan** : Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan (Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti [LPU])
6. **Kelayakan** : Jawatan hakiki pemohon hendaklah dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional
7. **Kriteria Umum** : Kriteria bagi seorang calon adalah seperti berikut:
 - 7.1 **Memimpin dan Mengurus** - Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi yang jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan;
 - 7.2 **Komunikasi** - Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap;
 - 7.3 **Personaliti** - Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, berfikiran rasional, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama;
 - 7.4 **Reputasi** - Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dengan *proven track record*, disanjung serta dihormati oleh masyarakat di dalam dan di luar kampus;
 - 7.5 **Entrepreneurial** – Seorang yang berfikiran *entrepreneurial* dan berupaya untuk menjana kewangan serta berdaya saing dalam aspek keusahawanan;


- 7.6 **Dinamik** - Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara;
- 7.7 **Proaktif** - Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif santifik, progresif, inovatif pemikiran kritikal analitikal serta global;
- 7.8 **Jati Diri** - Mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia;
- 7.9 **Potensi** - Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan;
- 7.10 **Pengurusan Konflik** - Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah; dan
- 7.11 Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

8. **Cara Memohon** : Calon boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:
- a) *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran passport. Sila guna format CV KPT yang boleh dimuat turun di alamat registrar.utm.my/hcm/format-cv-kpt/; dan
 - b) *Key Performance Indicator (KPI)* serta ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan di UTM.
9. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:
**PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 JOHOR BAHRU
JOHOR**
10. Tarikh tutup permohonan ialah pada **19 Oktober 2017**.
11. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan.
12. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
13. Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada **Timbalan Pendaftar (Perjawatan), Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM** di talian: **07-5531189** atau emel: **maimunah@utm.my**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (UTM Kuala Lumpur)
 - Ketua Pustakawan
 - Bendahari
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah